

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM]

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI INDUSTRI UTAMA** menyatakan apakah perancangan dan dasar baharu Kementerian untuk meningkatkan harga getah di Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Seperti komoditi lain juga, getah asli adalah berorientasikan eksport dan harganya ditentukan oleh permintaan dan penawaran antarabangsa. Oleh kerana syer pengeluaran Malaysia pada tahun 2018 hanya 4.3% daripada pengeluaran getah dunia, Malaysia tidak mampu untuk bertindak sendirian bagi meningkatkan harga getah dan memerlukan kerjasama daripada negara-negara pengeluar getah yang lain untuk menangani kejatuhan harga. Antara inisiatif-inisiatif yang telah dan sedang dilaksanakan adalah seperti berikut :

- (a) Mengukuhkan harga, pengeluaran dan penanaman getah jangka panjang menerusi kerjasama *International Tripartite Rubber Council* (ITRC). ITRC telah bersetuju untuk mengehadkan kuota eksport getah melalui mekanisme *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) yang Ke-6 kepada 240,000 tan mulai 1 April 2019 selama empat bulan. Sejak pengumuman AETS ke-6 oleh ITRC, paras harga

SOALAN NO : 107

Standard Malaysia Rubber 20 (SMR20) *Free on Board* (FOB) telah meningkat sebanyak 15.5% dari RM 5.21/kilogram pada 31 Disember 2018 kepada RM6.02/kilogram pada 3 Julai 2019; dan

(b) Meningkatkan penggunaan getah dalam negara bagi mengukuhkan harga getah jangka sederhana dan panjang. Ini termasuk penghasilan produk-produk baharu dan bernilai tambah berasaskan getah seperti *seismic bearing*, sarung tangan perubatan dan industri, kateter (tiub getah untuk pengaliran urin), gelas getah utk keretapi dan jambatan dan lain-lain. Rundingan juga sedang dilaksanakan untuk mempromosi potensi penggunaan komponen-komponen berasaskan getah bagi projek mega seperti East Coast Rail Link (ECRL).

Sekian terima kasih.